

28 JUL 1997

Asean-PMC (Abdullah)

BERI MASA DAN SOKONGAN KEPADA KEMBOJA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu rakan dialog Asean yang Kemboja seharusnya diberikan masa dan sokongan untuk mengatasi krisis yang sedang dialaminya.

"Bagaimanapun, terdapat satu realiti. Sebarang penyelesaian terhadap isu yang rumit mesti didasarkan kepada keadaan di Kemboja," katanya ketika merasmikan Persidangan selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC) selama dua hari di sini hari ini.

Isu Kemboja menjadi perkara utama dalam perbincangan sepanjang Mesyuarat Menteri-menteri Asean (AMM) Ke-30 dan Forum Serantau Asean (ARF) yang baru saja tamat.

Di antara 10 negara rakan dialog Asean, terdapat negara-negara penyumbang utama -- Amerika Syarikat, Jepun dan Australia -- yang mahu jadikan bantuan sebagai satu pertimbangan menangani krisis di Kemboja.

Asean sedang menunggu pengesahan Phnom Penh mengenai peranannya bagi membantu dalam proses keamanan di negara itu.

Abdullah juga mengulangi keputusan Asean untuk mengambil tindakan membanteras kegiatan "penyangak" yang mendalangi usaha menjejaskan kedudukan mata wang negara-negara anggota.

"Sudah tiba masanya kita sedar mengenai tindakan golongan ini yang sebenarnya merupakan satu perbuatan sabotoj," katanya.

Abdullah berkata meletakkan nasib berjuta-juta rakyat di bawah telunjuk segelintir peniaga bersifat penyangak ini merupakan satu jenayah antarabangsa.

Dua hari lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembiaya kewangan Amerika George Soros merupakan dalang di sebalik ketidakstabilan mata wang di Asean baru-baru ini.

Mengenai PMC, Abdullah berkata mesyuarat tahunan antara Asean dan rakan dialognya itu masih relevan dan ianya tidak ditenggelami oleh ARF.

"Terdapat perbezaan antara isu yang dibahaskan. Ketika ARF membincangkan mengenai isu keselamatan-politik di rantau ini, PMC menyentuh perkara di antara rantau atau yang mempunyai dimensi lebih luas dan sejagat," katanya.

Katanya siri dialog PMC itu penting bagi hubungan luar Asean kerana ianya memberikan peluang kepada Asean untuk bertukar-tukar pendapat dengan negara-negara utama dan luar rantau ini.

PMC mesti sedia menghadapi permintaan baru di samping meneruskan perbincangan mengenai isu tradisi seperti pengedaran dadah, alam sekitar dan pelancongan, kata Abdullah.

Katanya kerjasama serantau yang menjadi alat kepada pembangunan perlu diteruskan dan Kerjasama Pembangunan Lembah Asean-Mekong akan memberikan peluang ekonomi bagi negara sekitar Sungai Mekong dan negara lain di rantau ini.

Kemasukan Laos dan Myanmar ke dalam Asean juga mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat rantau ini untuk menuju alaf baru, kata Abdullah.

Dengan kemasukan dua anggota baru itu, Asean kini mempunyai setengah bilion penduduk dengan keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak US\$600 bilion yang dijangka akan meningkat kepada US\$1 trillion pada dekad akan datang. -- BERNAMA

TM MS MAI